

Musa minta pegawai2 Kerajaan ambil perhatian aduan rakyat

Bahan asal dari Arkid
Neogad Malaysia

JOHOR BAHRU, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berkata, tindakan mengecam setengah pegawai dan kakitangan Kerajaan yang cuai dan tidak cekap menjalankan tugas tidak bermaksud Kerajaan baru pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ingin mendapatkan populariti di kalangan rakyat.

"Ini bukan hasrat kami, sebaliknya kebajikan mereka sentiasa diambil berat, diawasi dan dijaga," kata Datuk Musa ketika merasmikan bangunan Wisma Persekutuan di sini, petang semalam.

Beliau berkata, kesejahteraan hidup pegawai dan kakitangan Kerajaan di dalam atau di luar pejabat sentiasa diberi perhatian.

Bagaimanapun, tegasnya, Kerajaan khawatir jika mutu pentadbiran tidak ditingkatkan, kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan baru akan hapus.

"Khidmat Kerajaan adalah semata-mata untuk rakyat. Saya berharap pegawai dan kakitangan Kerajaan tidak lupa tugas mereka perlu untuk kepentingan rakyat," tegasnya lagi.

Datuk Musa berkata, sebagai Kerajaan yang diwakili rakyat, segala aduan dan rintihan rakyat perlu didengar dan diambil perhatian.